



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 4 APRIL 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	HASIL TUAIAN PERTAMA BAWANG MERAH MALAYSIA SEBERAT 2.3 TAN, NASIONAL, BH -18 PERAK HASILKAN BAWANG TEMPATAN PERTAMA NEGARA, NEGARA, KOSMO -6 TUAIAN PERTAMA BAWANG 2.3 TAN METRIK, TANJUNG MALIM, SH -28 PESAWAH TUNTUT NAIKKAN HARGA PADI RM1,600, KUALA SELANGOR, SH -29 800 PESAWAH DESAK NAIK HARGA LANTAI PADI, NEGARA, KOSMO -16 PERAK ACHIEVES ONION YIELD FEAT, NATIONAL, THE SUN -4 PERAK FIRST TO HARVEST HOMEGROWN ONIONS, NATION, THE STAR -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8. 9. 10. 11. 12.	TERPAKSA 'PUASA' KUPANG, LOKAL, HM -18 'TIADA LAGI DUA TAN KETAM SEGAR SEHARI', DALAM NEGERI, UM -30 NELAYAN TERJEJAS SUSULAN KEJADIAN KUPANG BERACUN, DALAM NEGERI, UM -30 KEPUTUSAN ANALISIS KES KUPANG BERACUN DIJANGKA 3 HINGGA 5 HARI, DALAM NEGERI, UM -31 LUMPUH SELEPAS JAMAH KUPANG BERTOKSIK, PORT DICKSON, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14. 15.	TAK SAMPAI SEJAM, SATU TAN AYAM HABIS TERJUAL, NEGARA, KOSMO -16 TERENGGANU HOSTS AGRO MADANI SALES IN 14 LOCATIONS, NATION, THE STAR -11 500 EKOR AYAM HABIS DIJUAL KURANG SATU JAM, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
16.	THREE-PRONGED WAY TO BOOST PINEAPPLE PRODUCTION, NATION, THE STAR -11	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
17.	NAFAS PUPUK SEMANGAT KAKITANGAN CINTAKAN AL-QURAN, PETALING JAYA, SH -26	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
18. 19. 20. 21. 22.	JAMAL ABDILLAH JUAL DAGING LEMBU HARGA RAHMAH, IPOH, SH -27 JAMAL ABDILLAH SAHUT INISIATIF PAYUNG RAHMAH, LOKAL, HM -10 BARANG KEPERLUAN MAHAL TIDAK HALANG SAMBUT AIDILFITRI, DALAM NEGERI, UM -11 SUBSIDISED GOODS FOR RAYA, NATION, THE STAR -8 POSITIVE IMPACTS OF COMPETITIVE RICE MARKET, VIEWS, THE STAR -13	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Hasil tuaian pertama bawang merah Malaysia seberat 2.3 tan

Tanaman rintis 0.6 hektar guna benih keluaran MARDI Iakar sejarah negara

Oleh **Muhamad Lokman Khairi**
bhnews@bh.com.my

Tanjung Malim: Malaysia julung kali mengeluarkan bawang komersial sendiri dengan hasil tuaian pertama bawang merah varieti BAW-1 seberat 2.3 tan melalui Projek Pembangunan Tanaman Bawang di Kampung Ladang Bikam, dekat Sungkai, di sini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata jumlah itu membuktikan aktiviti tuaian bagi kawasan fasa satu yang membabitkan kelua-

san 0.6 hektar daripada keseluruhan projek seluas satu hektar.

"Sukacita saya kongsi kan bahawa tanaman rintis ini berjaya... bererti kita melancarkan sejarah buat negara dan kita berjaya menghasilkan bawang yang 100 peratus hasil dan milik Malaysia."

"Benih itu dikeluarkan dan dihasilkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan ditanam oleh Jabatan Pertanian."

"Bagi penanaman di Sungkai, kita harap potensi hasil lebih besar sehingga empat tan diperolehi menerusi tuaian tanaman fasa dua dan tiga yang menggunakan varieti bawang merah 'BAW-2,' katanya ketika Program Tuaian Mega Projek Rintis Bawang Kuala Bikam, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Nor Sam Alwi dan Pengarah Pertanian Perak, Norsiyenti Othman.

Arthur berkata, pihaknya merancang menambah keluasan tanaman bawang baharu kepada

empat hektar di Sungkai dan empat hektar lagi di daerah Kinta.

"Pagi tadi (semalam) saya berjumpa Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan beliau sangat gembira apabila dapat tahu Perak menjadi negeri perintis untuk (pengeluaran) bawang."

"Maka nampaknya Perak ini memang mendahului negeri lain dalam tanaman bawang tempatan," katanya.

Kenal pasti lokasi penanaman

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sudah mengenal pasti lokasi penanaman di enam negeri membabitkan Perak, Selangor, Perlis, Pulau Pinang, Pahang dan Kelantan.

"Semua ini dalam perancangan dan sasaran kementerian untuk mencapai kadar sara diri bawang tempatan sebanyak 30 peratus yang memerlukan tanaman seluas lebih 1,400 hektar menjelang 2030," katanya.



Arthur (kiri) dan Nor Sam meninjau proses pengeringan bawang merah varieti BAW-1 yang baru dituai di Projek Pembangunan Tanaman Bawang di Kampung Ladang Bikam, Tanjung Malim, semalam. (Foto: Muhamad Lokman Khairi/BH)



ARTHUR (kiri) menunjukkan bawang keluaran pertama negara yang berjaya dituai di Kampung Ladang Bikam, Tanjung Malim semalam.

Perak hasilkan bawang tempatan pertama negara

TANJUNG MALIM - Perak mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya menjadi negeri pertama di negara ini menuai hasil bawang merah tempatan jenis BW-1 seberat 2.3 tan di Kampung Ladang Bikam di sini.

Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup, tuaian dimulakan pada Januari lalu itu melibatkan kawasan fasa 1 seluas 0.6 hektar.

Katanya, perkembangan itu menunjukkan kejayaan projek perintis penghasilan bawang tempatan dilaksanakan kerajaan, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap import bahan tersebut.

"Kita melakar sejarah dengan pengeluaran bawang yang 100 peratus hasil dan milik negara.

"Benih yang digunakan itu dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Tuaian Mega Projek Rintis Tanaman Bawang Kuala Bikam, Sungkai di sini semalam.

Tambahnya, susulan kejayaan tersebut, pihaknya bercadang untuk menambah

empat hektar lagi bagi penanaman bawang di Sungkai dan di kawasan Kinta.

Ujarnya, kementerian itu juga telah mengenal pasti enam lokasi penanaman bawang iaitu Perak yang sudah berjaya, Selangor, Perlis, Pulau Pinang, Pahang dan Kelantan.

Tambah beliau, semua perancangan itu sebagai prospek dan sasaran kementerian berkenaan untuk mencapai tahap sara diri (SSL) bawang pada kadar 30 peratus menjelang tahun 2030.

Arthur memberitahu, untuk mencapai sasaran itu, lebih 1,400 hektar tanah diperlukan bagi penanaman bawang.

Tanaman bawang memerlukan 65 hingga 70 hari untuk tempoh matang sebelum boleh dituai.

Bekalan bawang di Malaysia diimport dari 29 buah negara dengan lima negara adalah pengeksport terbesar iaitu India, Pakistan, China, Belanda dan Thailand.

Jenis bawang yang diimport negara antaranya bawang kecil merah, bawang besar, bawang kecil merah rose, bawang merah, bawang kecil merah dan bawang besar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2024	SINAR HARIAN	TANJUNG MALIM	28

Tuaian pertama bawang 2.3 tan metrik

Projek perintis seluas satu hektar mula mengeluarkan hasil

Oleh **NORMAWATI ADNAN TANJUNG MALIM**

Projek perintis tanaman bawang seluas satu hektar di Kampung Ladang Bikam, Sungkai dekat sini berjaya memberikan hasil pengeluaran 2.3 tan tuaian pertama pada Rabu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, tuaian yang dimulakan pada Januari itu menggunakan varieti bawang merah BAW-1 melibatkan kawasan fasa 1 seluas 0.6 hektar.

Menurutnya, perkembangan itu menandakan kejayaan projek perintis penghasilan bawang tempatan yang dilaksanakan kerajaan.



Arthur Joseph (kiri) bersama Nor Sam melihat proses pengeringan bawang yang siap dituai di Kampung Ladang Bil'am, Sungkai pada Rabu.

"Pada Rabu kita telah melakar sejarah buat negara dengan pengeluaran bawang yang 100 peratus hasil dan milik negara Malaysia."

"Benih itu dikeluarkan dan dihasilkan oleh MARDI (Institut Penyelidikan dan

Kemajuan Pertanian Malaysia) dan ditanam oleh Jabatan Pertanian. Hari ini kita nampak projek ini benar-benar berjaya," katanya sempena majlis Tuaian Mega Projek Rintis Tanaman Bawang Kuala Bikam di sini pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Nor Sam Alwi dan Pengarah Pertanian Perak, Norsiyenti Othman.

Arthur Joseph berkata, kejayaan tuaian pertama itu membuka peluang untuk menjadikan Perak sebagai hub pengeluaran bawang dengan menambah keluasan tanaman sedia ada.

Katanya, selain Sungkai, Kementerian juga telah mengenal pasti kawasan baharu di daerah Kinta yang boleh dijadikan lokasi strategik penanaman bawang.

"Tadi pagi saya telah berjumpa dengan Menteri Besar Perak dan beliau sangat gembira apabila negeri ini telah mendahului negeri-negeri lain dalam projek tanaman bawang tempatan di Malaysia."

"Bagi penanaman di Sungkai, kita harap potensi hasil lebih besar sehingga 4 tan diperolehi menerusi tanaman fasa 2 dan 3 yang menggunakan varieti bawang merah BAW-2," katanya.

Selain Perak, beliau berkata, Kementerian telah mengenal pasti lima lagi negeri iaitu Selangor, Perlis, Pulau Pinang, Pahang dan Kelantan bagi melaksanakan projek mega tanaman bawang tempatan.

Sahut seruan kerajaan selain memperkenalkan perusahaan lembu syarikat miliknya

IPOH

Menyahut inisiatif Payung Rahmah, penyanyi Datuk Jamal Abdillah akan menjual hasil perusahaan ternakan lembunya pada Jualan Rahmah Jamal Abdillah Farm, selama dua hari bermula Ahad ini.

Pemilik nama sebenar Jamal Ubaidillah Mohd Ali, 64, itu berkata, sebanyak 12 ekor lembu akan disediakan dan akan menambah bilangan lembu sekiranya tidak mencukupi.

"Di samping bersedekah dan juga menyahut seruan kerajaan untuk inisiatif Payung Rahmah, saya juga ingin memperkenalkan dan melancarkan syarikat Jamal Abdillah Farm untuk orang ramai tahu saya ada perusahaan lembu," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Pelantun lagu Kekasih Awal dan Akhir itu berkata, beliau merancang untuk membesarkan lagi ladang ternakan lembunya di Bukit Merah, Kerian pada

masa hadapan.

"Selepas ini, rancangan saya untuk membesarkan lagi ladang saya ini, sekurang-kurangnya dapat menampung pasaran atau untuk keterjaminan makanan agar tidak ada isu kekurangan makanan," katanya.

Jualan Rahmah Jamal Abdillah Farm dengan usaha sama Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) bakal berlangsung pada 7 dan 8 April ini bermula 9 pagi di Dataran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) di sini yang menawarkan harga daging lembu di bawah harga pasaran.

Daging pejal tempatan dijual pada harga RM32 sekilogram (kg), manakala daging batang pinang (RM39/kg), tulang (RM26/kg), tulang rusuk (RM32/kg), organ (RM16/kg), kepala lembu (RM60/unit) dan gear box (RM10/unit).

Sebelum ini, Jamal yang pernah bergelar pelakon itu mula berjinak-jinak dalam bidang ternakan lembu secara komersial sejak Mei tahun lepas di samping

Jamal Abdillah jual daging lembu harga rahmah

FOTO: BERNAMA



Jamal memberi makanan kepada ternakan lembu di ladangnya di Bukit Merah, Kerian.

bellau berimpian mahu mempromosi bidang pertanian agar lebih ramai bumiputera terlibat dalam bidang itu.

Ladang ternakan lembunya seluas hampir dua hektar terletak di Bukit Merah

dan dilengkapi dengan kandang lembu yang boleh memuatkan 300 hingga 400 ekor haiwan itu serta kawasan untuk mem-

ternak kambing yang juga dalam perancangannya. - Bernama

Turut desak kerajaan tetapkan pemutuan potongan padi 17 peratus

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Kira-kira 800 pesawah di Kampung Sawah Sempadan, Tanjung Karang di sini menuntut kerajaan menaikkan harga lantai padi daripada RM 1,350 kepada RM 1,600 setiap tan metrik.

Selain itu, mereka turut mendesak kerajaan menetapkan pemutuan potongan padi 17 peratus berbanding 20 peratus pada masa ini.

Seorang pesawah, Aibany Katimin, 67, berkata, dua tuntutan itu perlu dipandang serius kerajaan bagi membela nasib mereka berikutan pendapatan terjejas teruk pada musim penanaman kali ini.

"Saya merayu kerajaan memberi pertimbangan seawajarnya untuk menaikkan harga belian dan pemutuan padi pada harga munasabah.

"Pada masa ini, harga belian padi terlalu rendah selain isu pemutuan tinggi sehingga 20 peratus yang membebankan pesawah sedangkan kualiti padi sah yang dijual kepada pengilang berkualiti," katanya.

Terdahulu, kira-kira 50 pesawah mengadakan bantahan secara aman di kampung itu berikutan tidak berpuas hati dengan harga belian padi rendah dan pemutuan padi yang tinggi.

Seorang lagi pesawah, Mohd Hasmizul Aizat Zubir, 35, memberitahu, golongan muda tidak lagi berminat untuk bekerja di sawah disebabkan pendapatan yang tidak berbaloi.

Jelasnya, pendapatan bagi sektor tanaman padi paling rendah berbanding dengan hasil pengeluaran pertanian lain.

"Saya sendiri mengusahakan tiga tanaman pertanian iaitu padi, kelapa sawit dan timun, namun pendapatan hasil padi paling rendah, sedangkan saya telah mengorbankan banyak masa, modal serta kering di bendang," ujarnya.

Zakaria Ahmad, 56, pula berkata, kebiasaannya harga belian dan pemutuan padi di sini tidak sama dengan beberapa kawasan berhampiran.

Katanya, harga belian padi di kawasan itu jauh lebih rendah berbanding di Sungai Burong dan di daerah Sabak Bernam.

"Kami meminta penjelasan daripada kerajaan berhubung harga belian dan pemutuan padi yang tidak sama.

"Perkara ini selalu dihadapi pesawah di sini sedangkan kami menghasilkan padi daripada benih yang sama seperti di tempat lain," tambahnya.

Bekas Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar berkata, kerajaan perlu mengawal harga padi bagi melindungi golongan pesawah.

Jelas beliau, kawasan tanaman padi Sawah Sempadan seluas 2,500 hektar itu sering menjadi mangsa berikutan harga belian rendah dan pemotongan pemutuan padi yang tinggi melebihi 20 peratus.

"Pihak Bernas (Syarikat Padiberas Nasional Bernam) perlu memantau sya-

Pesawah tuntutan naikkan harga padi RM1,600



Noh (lima dari kanan), Nurul Syazwani (empat dari kanan) bersama pesawah menyatakan bantahan berhubung harga belian padi rendah dan pemutuan potongan tinggi pada Rabu.

rikat swasta yang terlibat dalam pem- belian padi serta mengumpul data dan maklumat berkaitan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang, Nurul Syazwani Noh berkata, kerajaan negeri Selangor juga digesa untuk turun padang bagi melihat sendiri masalah di- hadapi pesawah di kawasan itu.

Katanya, kerajaan negeri pada Belanjawan 2024 memberi jaminan un- tuk menjadikan kawasan sekitar Tanjung Karang hingga daerah Sabak Bernam sebagai hub pengeluaran makanan.

"Pesawah di sini tertekan kerana te- lah dua musim pengeluaran padi ber- depan masalah sama dan berharap ia ditangani segera," ujar beliau.



NURUL SYAZWANI (belakang, tiga dari kanan) dan **Tan Sri Noh Omar** (belakang, empat dari kanan) bersama pesawah yang terjejas di Kampung Sawah Sempadan, Tanjong Karang, Kuala Selangor kelmarin.

Tuntut kenaikan kepada RM1,600 setiap tan metrik

800 pesawah desak naik harga lantai padi

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**

KUALA SELANGOR – Lebih 800 pesawah di Kampung Sawah Sempadan, Tanjong Karang, di sini, mendesak kerajaan supaya menaikkan harga lantai padi daripada RM1,350 kepada RM1,600 bagi setiap tan metrik.

Mereka juga menuntut penetapan potongan permutuan padi pada kadar 17 peratus berbanding 20 peratus ketika ini.

Seorang pesawah, Arbany Katmin, 67, berkata, dua tuntutan itu perlu bagi membela nasib mereka yang terjejas teruk pada musim penanaman kali ini.

"Harga belian padi kini amat

rendah dan isu permutuan tinggi nyata membebankan kami, sedangkan padi yang dijual kepada pengilang bertuati.

"Saya merayu kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya bagi menaikkan harga belian dan permutuan padi pada kadar munasabah," katanya selepas bantahan aman bersama 50 pesawah lain di sini kelmarin.

Menurut Zakaria Ahmad, 56, harga belian dan permutuan padi di Sawah Sempadan, di sini, kebiasaannya tidak sama dengan beberapa kawasan berhampiran.

"Harga belian padi di kawasan ini jauh lebih rendah berbanding di Sungai Burong dan daerah Sa-

bak Bernam.

"Pesawah mahu penjelasan daripada kerajaan kerana perkara ini selalu dihadapi sedangkan kami menghasilkan padi dari pada benih sah sama seperti di tempat lain," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang, Nurul Syazwani Noh berkata, kerajaan Selangor turut digesa turun padang bagi melihat sendiri masalah dihadapi pesawah di kawasan itu.

"Pesawah tertekan kerana telah dua musim pengeluaran padi berdepan masalah sama dan berharap ia segera diselesaikan," katanya.

Tak sampai sejam, satu tan ayam habis terjual

meninjau program tersebut di sini semalam.

Katanya, LPP merancang menganjurkan 14 program jualan Agro Madani@Peladang Outlet Aidilfitri di lapan daerah di Terengganu bulan ini.

"Setiap program itu diseriai lebih 30 usahawan tempatan dengan sasaran 5,000 pengunjung dan jualan RM100,000.

"Kita menjual barangan keperluan pada harga antara 30 hingga 40 peratus lebih murah daripada pasaran," katanya.

Sementara itu, seorang ibu tunggal, Nora Khadija Endut, 42, berkata, dia datang awal pagi dan sempat membeli dua ekor ayam pada harga RM760 sekilogram dan daging lembu segar RM27 sekilogram.

"Biasanya ayam RM10.50 sekilogram, manakala daging lembu pula boleh mencecah RM36 sekilogram," katanya.

KUALA TERENGGANU – Satu tan ayam berharga RM760 sekilogram (kg) habis dijual dalam tempoh kurang sejam di program Agro Madani@Peladang Outlet Aidilfitri di pekarangan Masjid Jamek Pengadang Baru, di sini semalam.

Orang ramai beratur panjang untuk membeli ayam segar itu sejak pukul 7 pagi lagi.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Terengganu, Hasnila Abas berkata, barang keperluan lain seperti beras dan daging lembu tempatan yang turut disediakan pada program tersebut juga mendapat sambutan hangat.

"Kita menyediakan 1,000 kampak beras tempatan seberat 10 kg pada harga RM26. Selain itu, 400 kg daging lembu juga ditawarkan pada harga RM27 sekilogram kepada 400 pembeli terawal," katanya selepas



ORANG ramai beratur panjang untuk membeli ayam pada harga RM7.60 sekilogram di pekarangan Masjid Jamek Pengadang Baru, Kuala Terengganu semalam.

Perak achieves onion yield feat

TAPAH: Perak became the first state in Malaysia to successfully harvest around 2.3 tonnes of BW1 type local onions at a 0.6ha site under the Onion Cultivation Development Project in Kampung Ladang Bikam.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup said the project, in cooperation with the State Agriculture Department, was carried out in three phases in a one-hectare farm targeting the production of around four tonnes per hectare.

"For this first harvest, it involves phase 1 from a 0.6ha farm producing about 2.3 tonnes.

"I am confident that this pilot project can spark the production of onions in the country," he said at the harvesting ceremony here yesterday.

— Bernama



Joseph showing some of the harvested onions yesterday. — BERNAMAPIC

Three-pronged way to boost pineapple production

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: Idle land can be tapped by small entrepreneurs to meet the high demand for pineapple for both the local and export markets, says Prof Datuk Dr Mad Nasir-Shamsudin.

The Universiti Putra Malaysia agricultural economics expert said there were many plots of idle land in villages no longer used by older farmers.

"Many of these villagers have children who support them, so their lands are sitting idle. As such, young entrepreneurs can rent them to grow crops while earning an income.

"This idle land can be used to plant pineapples, because there are many young entrepreneurs already doing it in Johor. It is also useful as the demand for pineapple is consistent.

"As our income increases, the per capita consumption of food also keeps increasing, and by cultivating idle land, we are presented with the opportunity to meet local demand," he told *The Star* yesterday.

He was responding to Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) chairman Sheikh Umar Bagharib Ali's recent comment about how the industry is facing problems in meeting demand.

The export demand is 4,000 containers per year, but the industry is only able to supply 800 containers, thus plantations need to be expanded, said Sheikh Umar, who also suggested that planting needs to be intensified in



Cash crop: Idle land can be used to plant pineapples because there are many young entrepreneurs already doing it in Johor, says Prof Mad Nasir.

Sabah and Sarawak.

Prof Mad Nasir said using pockets of idle land, the ability of pineapple to grow everywhere, and easy harvesting were factors to be considered by young entrepreneurs.

Despite being labour-intensive at its initial stage, growing pineapples as an export crop can help narrow the country's trade deficit, he added.

Incorporated Society of Planters

Perak first to harvest homegrown onions

per hectare.

"This first harvest involves phase 1 from a 0.6ha farm producing about 2.3 tonnes. After that, harvesting will continue in phases 2 and 3.

"I am confident that this pilot project can be a trigger for the production of shallots in the country while meeting the needs of Malaysians and reducing dependence on imported onions," he told Bernama when met at the Large-Scale Shallot Planting Pilot Project harvesting ceremony

here yesterday.

Also present were ministry secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali, Plant Industry Development Division director Christopher John Bial, and state agriculture director Norsayenti Othman.

In the meantime, Kurup said all the produce will be marketed by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) to any location that has a high demand.

Perak is one of the six states

neers, so we must get rid of the stigma that this industry is not for women because more female agronomists are actively joining the sector.

"They can pursue multicrop businesses. For example, pineapple can be intercropped with oil palm during the latter's young and replanting stages," he said.

Daud said dedication to the long haul is a must, and one must not look at quick gains given that plantation agriculture is a long-term investment, labour intensive, subject to climatic conditions, and requires skilled people to do the job.

"In my 30 years of planting cocoa, coffee, coconut, pepper, oil palm, and rubber, I've seen that passion and dedication are needed. But these days, people are in a hurry to make a quick profit.

"Oil palm is sustainable as a result of the hard work of our forefathers, based on scientific knowledge and development as well as continuous research based on actual studies and experiments.

"So, it is best if we give opportunities to women and young Malaysians to serve in the fields," he said.

In 2023, the export value of various pineapple-based products such as fresh pineapple, canned pineapple, and the bromeliad industry amounted to RM5.75bil.

Under the MPB Strategic Plan, an additional 3,000ha of pineapple plantations and increasing production up to 700,000 tonnes are targeted by this year.

Terengganu hosts Agro Madani Sales in 14 locations

KUALA TERENGGANU: Agro Madani Sales will be held at 14 locations throughout Terengganu in conjunction with Hari Raya Aidilfitri, says the Farmers' Organisation Authority (LPP).

Its Terengganu director Hasnila Abbas said it was to help the public get food and necessities at lower prices.

She said among sought-after products ahead of Hari Raya Aidilfitri were local meat, local white rice, chicken and eggs, which are 30% to 50% cheaper at the sales.

"We have so far organised three Agro Madani Sales around Kuala Terengganu. The public can follow LPP's social media to find out the location of the next event in other districts," she told a press conference here yesterday.

Hasnila said LPP has targeted 5,000 visitors with sales of around RM100,000 at each location, reported Bernama.

Since its launch last year, the programme has benefited Terengganu residents, particularly those who earn medium and low incomes, she said.

Hasnila cited the programme that was held on Tuesday, which attracted 10,000 visitors and recorded gross sales exceeding RM100,000.

"This programme not only benefits visitors, but also helps our members market their agricultural products directly to customers," she said.

Chicken trader Mohd Al Kahuri Rosli enjoyed brisk business, selling a tonne of chicken within an hour.

He said people came as early as 6:40am to get chicken at RM7.60 per kg, cheaper than the normal price of between RM10 and RM10.50 per kg.

Visitor Siti Munirah Jamil said the programme has helped her save on daily expenses, as fresh produce such as chicken and local meat were cheaper here.

Oleh Mohd Khidir
Zakaria
am@hmetro.com.my

Port Dickson

Kejadian keracunan makanan kononnya akibat pengambilan kupang baru-baru ini, sehingga menyebabkan beberapa individu terpaksa dirawat di hospital, menyebabkan ramai penggemar makanan itu 'berpuasa' daripada mengambalnya.

Nelayan, Ayob Nasir, 67, berkata, Aidilfitri bakal menjelang tidak lama lagi dan ramai warga Port Dickson menjadikan rendang kupang atau kerang antara juadah istimewa setiap kali tibanya hari perayaan.

"Kes keracunan akibat kupang dan makanan berasaskan cengkerang belum pernah berlaku lagi sejak saya menjadi nelayan di Kampung Teluk, Pasir Panjang.

"Kami (nelayan) masih tidak tahu adakah kupang atau kerang yang menjadi

PENITERMAK kupang, Othman Salaman, menunjukkan pancung kupang yang digunakan untuk menternak kupang di Kampung Telok, Pasir Panjang. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM



Terpaksa 'puasa' kupang

Penggemar makanan laut henti pengambilan sementara berikutan kes keracunan

punca keracunan kerana ia masih diasiat pihak berkuasa.

"Setakat ini, kami diarahkan pihak berkuasa supaya menghentikan sementara pengeluaran kupang sebelum kajian punca ramai yang terjejas kesihatan sebaik memakan kupang baru-baru ini, selesai dijalankan," katanya ditemui di Jeti Kampung Teluk, di sini.

Menurutnya, kupang di Kampung Teluk memang terkenal dengan keenakannya dan sering menjadi pilihan pelanggan.

"Kami akur dengan arahan ini memandangkan ramai yang ditahan di hospital apabila diserang sakit perut, cirit birit dan lemah sendi.

"Kebetulan abang ipar saya yang berusia 64 tahun masih dirawat di Hospital Port Dickson apabila mengalami pening kepala serta lemah badan selepas memakan kupang," katanya.

Kerani di Balai Nelayan Teluk Kemang, Nurul Hidayah Salahudin, 39, berkata, dia biasanya membeli antara 10 hingga 20 kilogram kupang untuk dibuat rendang.

"Tahun ini, kami tidak dapat menyediakan rendang dan berharap isu ini segera selesai.

"Kami sanggup menunggu hingga isu ini selesai kerana yang penting, selepas ini, ia tidak mendatangkan isu kesihatan," katanya.

Sementara itu, pengusaha kupang, Mohd Khairul berkata, dia hanya membantu perusahaan ternakan kupang yang diusahakan sejak enam tahun lalu.

"Ini julung kali pengusaha kupang diuji dengan keadaan yang mana kami terpaksa menghentikan pengeluaran kupang akibat isu ini.

"Bagaimanapun, kami tetap beri kerjasama dan berharap pihak berkuasa dapat menyelesaikan punca masalah ini," katanya.

Pada masa sama, katanya, semua pengusaha kupang bersedia dengan segala kemungkinan malah bersyukur kerana setakat ini, kupang yang diternak masih hidup.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

'Tiada lagi dua tan ketam segar sehari'

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

PEKAN: Dahulu, seorang nelayan di Pengkalan Nelayan Kampung Badong, Merchong di sini mampu memperoleh satu hingga dua tan hasil ketam segar sehari dengan purata pendapatan mencecah RM6,000 sebulan.

Namun, kini segala-segalanya musnah apabila hendak dapat 10 ekor ketam segar sehari pun sukar akibat kekurangan hasil ekoran aktiviti bot pukut tunda yang terus berleluasa di kawasan perairan tumpuan nelayan kecil itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ismail Mohamad, 70, berkata, dia yang merupakan antara nelayan terawal di kawasan itu berasa cukup sedih dan kecewa dengan kehadiran banyak bot pukut tunda sejak dua tahun lalu.

Dakwanya, kewujudan bot pukut tunda merosakkan pukut nelayan dan habitat ketam yang banyak di kawasan itu.

"Dulu saya boleh dapat antara satu hingga dua tan ketam sehari dan pernah saya kira hasil jualan dengan hanya 50 sen sekilogram, dapat lebih RM16,000 dalam tiga bulan.

"Hari ini saya hanya dapat enam ekor ketam, jadi tidak mustahil suatu masa nanti habitat ketam akan musnah dan pengkalan ini lenyap," ujarnya di sini semalam.

Seorang lagi nelayan, Rozaidy Othman, 47, berkata, keadaan berlarutan sejak sekian lama itu menjejaskan lebih 50 nelayan di kawasan tersebut yang terpaksa menanggung kerugian saban hari.

Katanya, keadaan itu juga menyebabkan kawasan berkenaan yang sebelum ini bagaikan 'pesta' dipenuhi nelayan dan orang ramai, kini semakin lenggang apabila ramai nelayan mengambil keputusan tidak ke laut bagi mengelak kerugian.

"Kami sendiri memang tidak mampu banteras. Kalau ternampak dan bercakap dengan krew bot pukut tunda, mereka tidak peduli," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Nelayan terjejas susulan kejadian kupang beracun

PORT DICKSON: Kejadian keracunan makanan yang dikaitkan dengan pengambilan kupang menyebabkan pendapatan puluhan nelayan di kawasan Sungai Sekawang dan Kampung Telok di Pasir Panjang di sini terjejas.

Mereka tidak dapat membawa naik hasil termasuk kerang dari laut selepas arahan diterima untuk tidak menjalankan aktiviti tersebut susulan kejadian berkenaan.

Seorang nelayan, Mohd. Nizam Zakaria, 40, memberitahu, sebelum ini memang mereka menyedari terdapat banyak kerang yang mati dan keadaan itu sangat jarang berlaku.

“Memang agak menyedihkan terutama permintaan terhadap kerang di kawasan ini tinggi menjelang musim perayaan. Hasil ada, namun tidak

boleh dijual, apa pun kami akur dengan arahan demi kebaikan bersama,” katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Kampung Teluk di sini.

Seorang lagi nelayan, Othman Sulaiman, 40, pula berkata, untuk minggu ini sahaja dia menerima tempahan daripada pembeli dan peraih untuk hasil kerang berjumlah hampir RM10,000.

“Sekarang semua tempahan terpaksa dibatalkan, ikutkan inilah waktunya untuk mendapat lebih pendapatan ketika permintaan terhadap kerang meningkat. Untuk mendapatkan hasil lain seperti udang juga kini agak susah.

“Memang sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini tidak seperti biasa. Saya harap pihak berwajib dapat melakukan siasatan bagi mencari punca seba-

nar,” katanya lagi.

Semalam, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan memaklumkan terdapat lapan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang termasuk dua kes kritikal di sini.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Harlina Abdul Rashid berkata, kejadian keracunan tersebut mula dikesan kelmarin apabila Pejabat Kesihatan Daerah menerima notifikasi daripada Hospital Port Dickson.

Menurutnya, sebanyak dua kes dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala lima ke wad biasa dan satu kes sebgai pesakit luar.

Katanya, siasatan awal mendapati kesemua dari beberapa keluarga berbeza mempunyai sejarah memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Keputusan analisis kes kupang beracun dijangka 3 hingga 5 hari

PUTRAJAYA: Jabatan Perikanan Malaysia (DoF) dijangka mengeluarkan keputusan penuh analisis makmal terhadap kes kupang beracun di Port Dickson dalam beberapa hari lagi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata, makmal agensi tersebut masih

melakukan kajian terhadap sampel kes tersebut.

“Sebenarnya ada tiga analisis yang perlu dilaksanakan dengan ujian identifikasi plankton perlu tempoh paling kurang tiga hari manakala mikrobiologi pula lima hari,” jelasnya.

Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan kelmarin memak-

lumkan pihaknya mengesan ada insiden keracunan itu menerusi notifikasi dari Hospital Port Dickson pada Isnin lalu.

Siasatan awal mendapati kesemua kes melibatkan beberapa keluarga yang memilikinya sejak dahulu pernah memakan kupang dibeli dari dua pasar di sekitar daerah Port Dickson.

Lumpuh selepas jamah kupang bertoksik



Pihak berkuasa mengambil sampel kupang dan kerang sekitar perairan Port Dickson untuk dianalisis.

Enam individu lain dimasukkan ke hospital akibat keracunan

Oleh SYAMILAH ZULIFLI PORT DICKSON

Lapan individu terpaksa dikejarkan ke hospital kerana mengalami keracunan selepas menghadiri jamah kupang dibeli dari pasar di daerah ini.

Perangasah, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS), Datuk Dr Hafina Abdul Rashid berkata, kejadian difelakan pada 1 April lalu apabila Hospital Port Dickson menerima dua kes dimasukkan ke ICU manakala lima kes ditempatkan di ward sebagai pesakit luar.

"Siasatan awal mendapati semua kes terdini daripada beberapa keluarga berbeza dan mempunyai sejarah memakan kupang dibeli dari pasar sekitar daerah ini," katanya.

Menurutnya, pesakit mengalami gejala sakit kepala, kebas kaki dan lengan serta lemah otot.

"Dua kes ditempatkan ke ICU kerana mengalami gejala lebih teruk daripada pesakit lain," katanya.

"Siasatan awal mendapati semua kejadian ini masih dijangka pihak kesihatan berkaitan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) termasuk mengambil beberapa sampel untuk analisis makmal," katanya.

Sementara itu, Pengarah JPNS,

Kasim Tawe berkata, keputusan makmal bagi sampel kupang dan air laut di Port Dickson dijangka diketahui pada esok.

Menurut Kasim, pihaknya juga sudah mengeluarkan arahan kepada penanam kupang untuk tidak mengutip dan menjualnya sehingga keputusan makmal mengenai kupang tersebut diketahui.

Menurutnya, kes serumpama itu tidak pernah direkodkan berlaku di perairan Port Dickson sebelum ini.

"Peristiwa ini berlaku selepas berdaftar di daerah ini yang menghasilkan sekitar empat tan setahun atau 300 kilogram sebulan," katanya.

Dalam pada itu, penanam kupang sekitar Pasir Panjang turut dilaporkan kupang serta kerang seperti diarahkan JPNS.

Penanam, Mohd Hairil Mohd Raahid, 32, terpaksa membatalkan 532 kilogram (kg) tempahan pengumpulannya disebabkan kes keracunan yang berlaku.



KASIM

racunan yang berlaku. "Pagi memang rugi, tapi ini soal malibatkan nyawa. Nyawa tak boleh dibayar dan jadi berdebu apa-apa, kita yang kena," katanya.

"Jika setiap kali Adiffirri kami buat rendang kupang atau kerang tapi nampaknya kali ini laudalah," katanya.

Menurutnya, kejadian itu serumpama dengan kejadian kerana kali pertama berlaku.

"Saya tidak pasti apa punca sebenar (keracunan) tetapi kebanyakan penanam mendakwa menjumpai lebih banyak kerang mati berbanding kupang," katanya.



Beberapa individu selepas mengalami keracunan memakan daging kupang dan kerang bertoksik yang diperolehi dari perairan Port Dickson. Gambar: Hantaran

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2024	SINAR HARIAN	PETALING JAYA	26



Peserta menyertai Majlis Penutupan Ihya' Ramadan dan Majlis Khatam al-Quran di NAFAS Kota Damansara pada Rabu.

NAFAS pupuk semangat kakitangan al-Quran

PETALING JAYA - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengaturnjurkan Majlis Penutupan Ihya' Ramadan dan Majlis Khatam al-Quran di NAFAS Function Hall, Kota Damansara di sini pada Rabu.

Menurut satu kenyataan dikeluarkan, program itu adalah antara aktiviti dalam dianjurkan NAFAS sebagai salah satu inisiatif mengimarahkan Ramadan selain memupuk semangat cinta kepada al-Quran.

"Program Ihya' Ramadan diadakan dengan penganturan aktiviti seperti Tadarus al-Quran, kaunter bayaran zakat dan ceramah agama memabitkan kakitangan NAFAS.

"Tadarus al-Quran diadakan bermula 2 Ramadan lalu pada setiap Isnin hingga Khamis selepas solat Zohor yang diadakan secara berjemaah," katanya.

dimulakan dengan bacaan daripada Timbalan - Pengurus Besar NAFAS, Sariopol Baharin Karim.

Program yang julung kali dianjurkan itu mendapat sambutan baik dalam kalangan kakitangan NAFAS dan diharap membaca al-Quran dapat dijadikan amalan setiap hari, sekali gus menyenangi, serta memuliakan kitab suci ini.

"Semoga program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang," kata kenyataan tersebut.



PENJUJUNG mengambil kesempatan membeli ayam yang dijual murah pada program Agro Madani @ Pehelang Outlet di Kuala Terengganu, Semilam. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

500 ekor ayam habis dijual kurang satu jam

KUALA TERENGGANU: Lebih 500 ekor ayam segar yang dijual dengan harga RM7.60 sekilogram, habis dijual dalam tempoh kurang satu jam pada program Agro Madani @ Pehelang Outlet di sini, semalam.

Pengarah Lembaga Perubuhan Peladang (LPP) Terengganu, Hasnila Abbas, berkata, program yang berlangsung di Pehelang Outlet, Kuala Terengganu, di sini, untuk disebarkan seawal pukul 7 pagi.

Menurutnya, bahan mentah lain yang turut dijual kepada orang ramai ialah 10 tan beras dan 12 tan daging lembu segar.

"Alhamdulillah, beras 10kg sebanyak 400kg, manakala sebanyak 400kg daging dijual pada harga RM10.50 untuk 400 pembeli pertama.

"Sambutan yang diterima sangat mengagalkan dan LPP Terengganu berharap program ini dapat meringankan beban orang ramai dalam membuat

pelebaran menyumbat Aidilfitri", katanya ketika ditemui selepas melawat tapak gerai usahawan pada program tersebut semalam.

Seputang April, LPP Terengganu mengadakan 14 program, iaitu seumpama itu di semua lapan daerah untuk memastikan lebih ramai penduduk dapat membeli barangan keperluan harian mereka. Ribanya menyasarkan 5,000 pengunjung hadir ke setiap program Agro Madani @ Pehelang Outlet dengan penyertaan lebih 30 usahawan tempatan, iaitu hasil jualan pula ialah RM100,000 pada setiap program dan pembeli mambuat kepada kedua-dua pihak iaitu penjual dan pembeli secara langsung.

Sementara itu, program ini lebih murah antara 30 hingga 40 peratus berbanding harga pasaran semasa," katanya.

Beliau berkata, satu lagi program seumpama itu akan dilaksanakan pada 9 April ini.

Barangan keperluan mahal tidak hilang sambut Aidilfitri

Secanggih itu, harga, Nona Khadija Endut, 42, berkata, dia bersyukur dapat membeli ayam, daging dan beras dengan harga yang murah di program iaitu program Agro Madani @ Pehelang Outlet, Kuala Terengganu, semalam.

"Saya datang awal dan sempat beli dua ekor ayam yang dijual RM7.60 sahaja, sekilogram dan daging lembu segar RM27 sekilogram. Saya beli ayam dan daging itu untuk membuat hidangan berlainan," katanya.

Orang ramai mendapatkan pelbagai barangan yang dijual lebih murah pada program Agro Madani @ Pehelang Outlet di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN



ORANG ramai mendapatkan pelbagai barangan yang dijual lebih murah pada program Agro Madani @ Pehelang Outlet di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	10

Jamal Abdillah sahut inisiatif Payung Rahmah

Ipoh: Menyahut inisiatif Payung Rahmah, penyanyi Datuk Jamal Abdillah akan menjual hasil perusahaan ternakan lembunya pada Jualan Rahmah Jamal Abdillah Farm, selama dua hari bermula Ahad ini.

Pemilik nama sebenar Jamal Ubaidillah Mohd Ali, 64, itu berkata, sejumlah 12 ekor lembu disediakan dan bilangannya akan ditambah sekiranya tidak mencukupi.

“Di samping bersedekah dan juga menyahut seruan kerajaan untuk inisiatif Payung Rahmah, saya juga ingin memperkenalkan dan melancarkan syarikat Jamal Abdillah Farm untuk orang ramai tahu saya ada perusahaan lembu,” katanya semalam.

Pelantun lagu Kekasih

Awal dan Akhir itu berkata, beliau merancang untuk membesarkan lagi ladang ternakan lembunya di Bukit Merah, Kerian pada masa hadapan.

“Selepas ini, rancangan saya untuk membesarkan lagi ladang saya ini, sekurang-kurangnya dapat menampung pasaran atau untuk keterjaminan makanan agar tidak ada isu kekurangan makanan,” kata Jamal.

Jualan RAHMAH Jamal Abdillah Farm dengan usaha sama Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) bakal berlangsung pada 7 dan 8 April ini bermula jam 9 pagi di Dataran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) di sini, yang menawarkan harga daging lembu di bawah harga pasaran.

Subsidised goods for Raya

RM2mil channelled to food sales programme in Johor

By **MOHD FARHAAN SHAH**
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: Some RM2mil has been channelled to subsidise goods for the Jualan Kasih Johor programme that's being held in time for the Hari Raya celebration.

"With Hari Raya Aidilfitri upon us, the state government, through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), is holding the Jualan Kasih Johor programme," said state agriculture, agribased industry and rural committee chairman Datuk Zahari Sarip.

"It is being held at 58 locations within 56 state constituencies throughout Johor with operating hours between 7am and 12pm.

"Among the items offered at Jualan

Kasih Johor are dressed chicken, eggs, fish, meat and cooking oil." Other food items include vegetables and fruits, he added.

Zahari said the programme, which began on Monday, would run until April 9.

He said the RM2mil allocation for Jualan Kasih Johor could help ease the people's financial burden, especially those celebrating Hari Raya.

He urged the public to take the opportunity to visit Jualan Kasih Johor to buy food for their festive preparations.

Meanwhile, Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Lilis Saslinda Pornomo said 22 items would be listed under the ministry's price control list, which would be announced tomorrow.

Among the items in the list are local beef not including sirloin, imported beef and buffalo, ikan kembung (mackerel), ikan selayang (mackerel scad), ikan tongkol (mackerel tuna), tomatoes, round cabbages, red chillies and many more, she said.

"So far, we have not received complaints from consumers about sellers hiking up prices of vegetables and meat in view of the hot weather," she said.

Asked whether the presence of Singaporeans coming here to shop have affected food supplies, Lilis maintained that stocks are still adequate in Johor.

She urged consumers to lodge a report with the ministry if they find a disruption in food supply and the Johor office would carry out inspections immediately.

Positive impacts of competitive rice market

CARTELS pose a significant threat to fair competition and food security in Malaysia. These illicit groups manipulate markets, often through price fixing agreements, stifling innovation and harming consumers through artificially high prices.

Cartels not only hurt ordinary Malaysians but also disadvantage honest businesses that are struggling to compete.

The Malaysia Competition Commission (MyCC) plays a crucial role in tackling cartels by imposing fines and taking action against their fraudulent practices. However, complete eradication of cartels remains difficult due to their complex ownership structure and a potential culture of collusion.

At present, there are allegations about potential rice cartels and middlemen making more profits than padi farmers (*padi*) and retailers. Transparent investigations into these allegations must be carried out and the findings must be made public.

If evidence of food cartels manipulating rice prices is found, those involved must face severe consequences as this directly impacts Malaysians' fundamental right to food.

Farmers also raise concerns about rice manufacturers colluding to lower the price of padi. While a proper investigation is necessary, the Bumiputera Rice Association's claim that Bernas is



withholding the supply of white rice suggests potential irregularities.

Bernas, the sole national rice importer, has a concession agreement lasting until 2031. While some advocate cancelling this agreement, Bernas' role in managing rice supply shortages remains relevant.

However, a comprehensive feasibility study should be conducted to assess whether engaging a single importer like Bernas is the best solution compared to having a more open market with multiple importers.

A competitive rice market would significantly benefit consumers through:

- > Lower prices: Competition drives prices down to near production costs, making rice more affordable;
- > Innovation: Competition

incentivises companies to innovate and improve efficiency to stay competitive;

- > Product choice: A competitive market offers a wider variety of rice options, catering to diverse consumer preferences; and
- > Fairness for farmers: Competition ensures that farmers receive fairer prices for their padi.

In order to improve the current operations of Bernas, the government should consider:

1. Strengthening anti-cartel efforts by increasing MyCC's resources and investigative powers to help it combat cartels more effectively;
2. Ensuring transparency in Bernas' operations by making data on rice imports and pricing readily available; and
3. Exploring the implementa-

tion of a competitive import market. This would involve carrying out a feasibility study to analyse the potential benefits of allowing multiple rice importers alongside Bernas.

By addressing these issues, a more resilient and dynamic rice market can be unlocked in Malaysia. This would translate into several key advantages for Malaysians namely:

1. A competitive market fosters a stable supply of rice, reducing reliance on imports and potential supply disruptions;
2. Increased competition can drive down prices, making rice more accessible to all Malaysians;
3. Focus on competitiveness encourages innovation and efficiency, potentially leading to higher quality rice varieties and processing methods; and
4. A thriving rice market supports local farmers, boosting rural economies and livelihoods.

This expansion provides a clearer picture of the positive impacts a competitive and secure rice market would have on Malaysia's food security, affordability, quality and rural development.

**PROF DR ABDUL RAHIM
ABDUL SAMAD**

**Laboratory of Agriculture
and Food Policy Studies
Institute of Tropical
Agriculture and Food Security
Universiti Putra Malaysia**